

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Friday, August 2, 2019 1:12 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Majlis Penyampaian Buku Turbulence In Trying Times



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

02 OGOS 2019 / 01 ZULHIJAH 1440H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Seksyen Media
Gambar oleh: Muhammad Shamsul Shafie

MAJLIS PENYAMPAIAN BUKU TURBULENCE IN TRYING TIMES



UUM ONLINE: Naib Canselor, Prof. Dr. Ahmad Bashawir Abdul Ghani telah menyempurnakan majlis penyampaian buku "Turbulence in Trying Times: What Are We To Do?" karya Tan Sri Prof Lin See-Yan kepada Dekan dan Pengarah bertaraf Dekan di Bilik Mesyuarat Senat, semalam.

Naskhah yang ditandatangani sendiri oleh tokoh ekonomi negara itu mengupas punca keadaan ekonomi dunia yang semakin buruk dan keperluan mendesak untuk melaksanakan semula pembaharuan struktur merupakan pemberian peribadi beliau kepada Naib Canselor.

Naib Canselor berkata buku itu berfungsi sebagai panduan yang berwibawa di tengah-tengah dunia yang sedang bergolak dengan masalah politik berterusan dan ketidakadilan ekonomi di banyak negara yang mencetuskan peperangan, keganasan, penghijrahan paksa dan penderitaan manusia pada skala yang besar.

"Analisis ekonomi yang pintar dan bermaklumat dalam buku ini akan memberi manfaat kepada pembaca yang akan dapat belajar banyak daripada nilai-nilainya yang tinggi. Semoga ilmu

dan pengalaman berharga yang dikongsi Prof Lin See-Yan dalam buku ini dihayati dan dijadikan panduan oleh kita semua khususnya dalam menghadapi cabaran," ujar Naib Canselor selepas mesyuarat Morning Prayer.

Tan Sri Prof Lin See-Yan merupakan ahli ekonomi berpendidikan dari Universiti Harvard, ahli British Chartered Scientist, dan rakyat Malaysia pertama yang menjadi ahli United Kingdom Chartered Statistician.

Beliau memegang tiga ijazah pascasiswazah dari Universiti Harvard, termasuk PhD dalam Ekonomi.



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.